

**KEBERKESANAN PROGRAM BANDAR SELAMAT
DARI PERSEPSI PELANCONG SINGAPURA
(KAJIAN KES: BANDARAYA JOHOR BAHRU)**

AHMAD NAZRIN ARIS BIN HAJI ANUAR

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Sains Perancangan Pelancongan

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

MEI 2008

ABSTRAK

Sejak kebelakangan ini, keselamatan merupakan antara isu utama yang sering dipertakakan. Jenayah merupakan isu utama yang sering dibangkitkan oleh pelancong apabila membincangkan tentang isu-isu keselamatan di pelancongan bandar. Rentetan dari itu, Malaysia turut tidak terkecuali melaksanakan pelbagai strategi dan salah satunya adalah dengan pengwujudan Program Bandar Selamat, iaitu program yang mempunyai 23 langkah pencegahan jenayah yakni satu strategi pencegahan jenayah melalui pendekatan pencegahan primer. Sehubungan itu, Bandaraya Johor Bahru menerusi Majlis Bandaraya Johor Bahru selaku pihak berkuasa tempatan telah mengaplikasikan Program Bandar Selamat sejak 22 November 2004 yang bertujuan mempertingkatkan lagi mutu keselamatan bukan sahaja kepada masyarakat namun terhadap pelancong. Oleh yang demikian, pelancong Singapura dijadikan responden utama di dalam kajian ini kerana mereka merupakan jumlah pelancong yang tertinggi sekali melancong ke Bandaraya Johor Bahru. Penemuan kajian mendapati bahawa aspek keselamatan semakin menjadi pilihan utama apabila memilih destinasi pelancongan. Apabila Program Bandar Selamat diaplikasikan di Bandaraya Johor Bahru, rata-rata responden menganggap kesemua langkah-langkah pencegahan jenayah di dalam Program Bandar Selamat merupakan suatu langkah yang penting di dalam menjamin keselamatan pelancong semasa berada di Bandaraya Johor Bahru. Namun dari segi keberkesanannya, keputusan yang diterima amat mengecewakan. Rata-rata responden menyatakan bahawa keberkesanan langkah pencegahan jenayah yang termaktub di dalam Program Bandar Selamat hanyalah setakat memuaskan sahaja. Diharapkan melalui kajian ini, pihak yang berkenaan akan dapat membuat penambahbaikan terhadap Program Bandar Selamat dan seterusnya mempertingkatkan lagi mutu keselamatan pelancong sehingga menganggap Bandaraya Johor Bahru sebagai destinasi pelancongan bandar yang paling selamat untuk dikunjungi.

ABSTRACT

In recent years, safety becomes one of prominent issues amongst tourist in the urban tourism. This issue has led to the implementation of Safe City Programme in Malaysia as to strengthening the urban tourism safety. In fact crimes rates appear to be common indicator among the urban tourist for measuring the urban safety. Therefore a case study has been carried out in Bandaraya Johor Bahru through Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) as a local authority which has applied Safe City Programme since 22nd November 2004 to intend more safety to the tourist. Singaporean tourists had preferred as the respondent to this study because they are a major tourists to Bandaraya Johor Bahru. When Safe City Programme had implemented in Bandaraya Johor Bahru, many respondents presume that a crime prevention step in Safe City Programme is an important steps to ensure the level of tourist's safety. But from the effectiveness, many respondents had preferred "average" to presume a crime prevention step in Bandaraya Johor Bahru. In light of findings, it is recommended that the tourism industry and law enforcement agencies co-ordinate to improve crime prevention step in Safe City Programme in Bandaraya Johor Bahru.

1.2 Penyelidikan Mersabah

1.3 Mekanisme Kajian

1.4 Objektif Kajian

1.5 Skop Kajian

1.6 Kepentingan Kajian